

Tanah Pesaka

Adat Perpatih

Oleh:

M. SHARIF FH

Tanah pesaka Adat Perpatih di Negeri Sembilan

(Oleh: MD. SHARIF FH)

Waktu-waktu kebelakangan ini minat orang ramai memperkatakan soal-soal Adat perpatih mula kedengaran kembali, terutama dikalangan masyarakat adat itu sendiri. Di Isntitusi-institusi Pengajian Tinggi seperi di UPM Serdang, UKM Bangi, UM Kuala Lumpur dan USM Pulau Pinang dengan anjuran mahasiswa-mahasiswa anak Negeri Sembilan di situ telah mengadakan beberapa majlis Seminar, Forum, Ceramah dan sebagainya bagi membincangkan hal-ehwal adat itu secara mendalam dan meluas termasuklah perkara-perkara yang berhubung dengan nilai, konsep, falsafah, sosial, ekonomi, pentadbiran seterusnya sampailah kepada soal “Tanah Pesaka Adat” turut juga dipertikaikan.

Jadi di sini suka saya menyentuh serba sedikit mengenai tanah pesaka adat itu. Keseluruhannya tanah itu terletak di kawasan luar Bandar bahagian pendalaman terdiri daripada tanah perkampungan, sawah padi, dusun buah-buahan dan sedikit-sedikit kebun getah. Keluasannya lebih kurang lima puluh empat batu persegi (14,850 ekar) berbandaing dengan keluasan Negeri Sembilan 2,565 batu persegi. Bilangan lotnya 20,456 lot dan bilangan hak miliknya 20,174.

Asal Mula Tanah Pesaka Adat

Pada mulanya dahulu tanah tersebut adalah milik kepunyaan penduduk asli Waris Jakun yang mula-mula mendiami negeri itu. Pepatahnya berkata:

“Dari ulu air menyincang
tempat ait segantang penuh
tempat siamang berjerat-jerat
tempat ungka mendayu-dayu
maka itu waris Batin yang punya”

Kemudian apabila peneroka dari Minangkabau datang berhijrah ke negeri itu dengan gerombolan masing-masing yang bermula dalam K.M. XV, sedikit demi sedikit tanah itu dibeli atau ditebus oleh ketua-ketua pendatang itu untuk dibuat kampung halaman, tempat mereka bercucuk tanam. Tanah itu dikerjakan secara gotong-royong, tidak pernah ditentukan sebagai milik perseorangan melainkan dikira sebagai milik bersama kepunyaan keluarga atau "SUKU".

Nama-nama suku yang terdapat di tanah adat itu sekarang ini adalah berasal dari nama tempat peneroka itu di Minangkabau iaitu batu Hampar, Seri melenggang, tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Aceh, Anak Melaka dan Biduanda. Ada pun Biduanda itu ialah nama suku penduduk asli yang mula-mula mendiami tanah tersebut.

Tanah-tanah yang telah ditebus akan dibeli oleh ketua-ketua peneroka itu terkenal dengan sebutan "Tanah Bertebus" dikelolakan pentadbirannya oleh ketua suku masing-masing bergelar Dato' Lembaga. Beliaulah yang bertanggungjawab mengawasi tanah itu dibantu oleh ketua-ketua adat yang lain, sama ada dalam segi kemajuan atau pindah miliknya.

Hak Milik

Ada pun hak milik mewarisi tanah itu ditentukan kepada pihak perempuan iaitu mengikut cara memiliki tanah (Tanah Pesaka Tinggi) tempat asalnya di Minangkabau. Walaupun dikatakan hak miliknya diberikan kepada perempuan tetapi mereka hanya mempunyai kuasa hak pakai sahaja "genggam yang Berumpuk" tidak boleh dijual atau digadai. Tanah itu tetap kepunyaan suku.

Takdirnya apabila meninggal seseorang itu, tanah pesaka adatnya akan berpindah milik kepada anak perempuan dan apabila anak perempuan itu meninggal pula tanah itu akan berpindah milik kepada anak perempuan juga, demikianlah seterusnya. Jika si mati tidak mempunyai anak perempuan harta itu akan berpindah pula kepada waris perempuan

lain yang dekat. Jika tiada kadim yang dekat maka baharulah berpindah pula pada kadim yang jauh dalam suku itu. Perbilangan berkata :Bermula kepada kadim yang jauh sejengkal, kemudian waris nan se hasta, lepas itu barulah waris nan sedepa”. Kiranya keturunan perempuan sudah pupus, tidak ada siapa lagi yang berhak menerima dalam suku itu, maka tanah tersebut dipulangkan kepada Undang dan dinamakan “Pesaka Tergantung”.

Tadbiran tanah yang demikian rupa sebanyak sedikit ada juga hikmatnya. Di Tanah Minangkabau, Sumatera barat, tanah adat itu dinamakan “Pesaka Tinggi”. Oleh orang-orang di sana dikatakannya,”Orang Minang belum kehabisan harta, yang memegang harta ialah ibu kandung”.

Demikian halnya dengan tanah adat di negeri Sembilan, belum ada yang luak kekal kepunyaan bersama ahli-ahli sukunya.

Jika dipandang dari segi kemanusiaan menguntukkan tanah kepada kaum perempuan sebagai hak pakai itu ada juga manfaatnya:

- a) Pertama : Perempuan itu kaum yang lema, bonda kandung penyambung zuriat bagi menentukan buruk baiknya generasi akan datang. Yang demikian mereka harus diberi jaminan hidup memiliki tanah pesaka adat sebagai menjaga maruah. Takut-takut kalau kehidupannya kusar-kacir, ‘keruh air di hulu sampai ke kuala keruhnya’.
- b) Kedua: Dalam masyarakat Adat Perpatih bila berlaku perkahwinan umumnya lelaki pindah ke rumah perempuan. Jadi sementara si suami mendapat pencarian tetap tanah pesaka itu bolehlah dikerjakan sebagai punca pendapatan. Dalam pada itu jika ditakdirkan pendek pertemuan yang iaitu berlaku perceraian maka si suami akan keluar duduk di tanah tersebut membela anak-anak mereka.

- c) Ketiga: perempuan itu dianggap sebagai sesuatu yang suci dan dikatakan juga kunci maruah, sumber keselamatan rumahtangga, sumber keselamatan dunia akhirat. Jadi apabila seseorang perempuan itu membuat kelakuan tidak baik, pada masyarakat adat malunya ditanggung oleh seluruh ahli suku itu. Yang demikian sudah sewajarnya mereka diberi jaminan ekonomi yang teguh. Pepatahnya berkata:

“Rumput sehelai sudah berbahagi
tanah sebingkah yang sudah berumpuk
malu belum berbahagi lagi
malu seorang malu semua”

Pada zaman dahulu bagi menentukan sempadan tanah antara suku dengan suku, perut dengan perut dan sebagainya terpulang pada ketetapan yang dibuat oleh Dato'-Dato' lembaga berdasarkan persetujuan dan muafakatnya. Batasan yang dijadikan sempadan itu ialah aliran anak-anak sungai, anak-anak bukit, timbunan tanah tinggi, ketulan batu-batu besar, lurah dan gaung serta lain-lain lagi. Sekarang ini semuanya itu telah diganti dengan penanaman batu-batu sempadan oleh Inggeris untuk mengutip cukai.

Kaitan Dato' Lembaga dengan tanah ini tersebut dalam pepatahnya “kampung nan bersudut, sawah nan berjenjang, pinang nan berjajar, Lembaga yang punya”.

Saudara Anak Lelaki

Sekalipun anak lelaki itu dikatakan tidak menuntut milik tanah pesaka adat tetapi ia boleh mengambil hasil daripada tanah itu selama hayatnya apabila diusahakan, terutamanya kepada yang tidak mempunyai saudara perempuan. Disamping itu dalam keadaan yang sesuai dan memerlukan ia balas juga meminta tuliskan namanya di belakang geran tanah tersebut sebagai pemakan hasil. Tetapi bila ia meninggal dunia kelak dengan itu dengan sendirinya akan kembali semula kepada sekadim perempuan yang mempunyai hak milik kepada tanah itu. Kelonggaran ini adalah merupakan satu

jaminan hidup kepada saudara lelaki sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diinginkan pada masa tuanya seperti kematian isteri atau jatuh miskin sehingga tidak ada tempat hendak bergantung. Dalam masyarakat adat saudara lelaki itu tidak akan terbuang atau diabaikan oleh saudara perempuan kerana perbilangan ada berkata:

“Saudara lelaki itu cicir dipungut hilang dicari
rugi laba isteri yang punya, nyawa darah waris yang punya
sebusuk-busuk daging dibasuh dikincih dimakan juga”

Apabila kehidupan seseorang saudara lelaki itu terdesak ia akan balik juga ke kampung sukunya dan akan dibela pelihara oleh sekadim perempuan. Biasanya di rumah saudara perempuan sebuah ruang sentiasa disediakan baginya. Selama ia tinggal bersama di situ maka harta tanah pesaka itulah jadi tempat ia berteduh. Takdirnya jika berlaku kematian atas dirinya, maka perbelanjaan menyelamatkan dan kenduri kendaranya hendaklah dikeluarkan daripada tanah pesaka itu.

Campur Tangan Inggeris

Pada pertengahan K.M. XIX Inggeris mula campur tangan dalam pemerintahan luak-luak di Negeri Sembilan melalui perjanjian-perjanjian yang dibuat dengan Dato'-Dato' yang berkuasa di negeri itu. Pada 21.4.1874 perjanjian dibuat dengan Dato' Undang Luak Sungai Ujung. Pada bulan September 1886 perjanjian dibuat dengan Dato' Undang Luak jelebu. Pada 4.6.1887 perjanjian dibuat dengan Yamtuan Seri menanti, Dato'-Dato' Penghulu Johol, Inas, jempol, Terachi dan Gunung Pasir. Pada 17.9.1887 perjanjian dibuat dengan Dato' Undang Luak Rembau.

Syarat-syarat dalam perjanjian itu keseluruhannya selain daripada untuk menjaga harta pesaka untuk kepentingan perniagaan Inggeris, disebut juga tentang penyerahan kuasa, memungut hasil tanah dan cukai mukai, pengeluaran geran dan sempadan tanah serta permohonan nasihat dan bantuan daripada kerajaan Inggeris kepada Dato'-Dato' itu.

Dalam perjanjian dengan Rembau yang dibuat pada 17.9.1887 perenggan (3) umpamanya ada menyebutkan cukai dan pentadbiran tanah mengikut “Pesaka Adat” mestilah dijalankan oleh Dato’ Penghulu (dato’ Undang) dalam Majlis, sedangkan kawalan cukai mukai tanah pertanian yang lain terpulang kepada pegawai yang dilantik oleh Tuan Yang Terutama (Gabenor Negeri-Negeri Selat).

Menyentuh tentang “Tanah Pesaka Adat” disebutkan dalam perjanjian itu, supaya kedudukannya sentiasa terkawal tidak berpindah atau terjual kepada orang lain yang tidak sesuku dan susunan pindah hak miliknya mengikut garis-garis dasar adat. “Customary Tenure Enactment”.

Kemudian dibuat lagi Enakmen Tanah Pesaka Adat ‘Cap. 215’ pada tahun 1926 dengan lebih terperinci memberi peruntukan bagi menjamin tanah itu tidak terlepas kepada mereka yang tidak termasuk dalam “Syuku Nan Dua Belas” jadi dengan adanya undang-undang tersebut bermaknalah kedudukan tanah itu terkawal dan seterusnya memberi jaminan kepada setiap anggota perempuan dalam sesuatu suku itu mempunyai hak milik kepada tanah pesaka yang diwarisi melalui ibunya.

Sesuai dengan kehendak-kehendak yang tercatat dalam enakmen itu sehingga hari ini sebarang perkara yang berbangkit mengenai tanah tersebut sama ada dalam perkara pindah hak milik atau lainnya semua dilaksanakan oleh Pentadbir Tanah Daerah dengan persetujuan yang dihadiri bersama oleh Dato’ Lembaga Suku yang berkenaan.

Pembahagiannya

Sebagaimana yang telah disebutkan Tanah Pesaka Adat ini dibahagikan kepada waris perempuan iaitu mengikut “Hukum Adat” dan tidak mengikut “Hukum Faraid” sama seperti cara perwarisan “Pesaka Tinggi” di Minangkabau. Maka inilah yang menimbulkan masalah.

Tanah ini kepunyaan nenek moyang zaman dulu kala sehingga sekarang tidak dapat dikesan siapakah pemiliknya yang sebenar. Yang diketahui tanah itu adalah kepunyaan bersama milik keluarga dalam sesebuah suku atau dikatakan juga harta bersekutu dan bukan hak individu. Mereka yang diuntukkan menduduki tanah itu hanya mempunyai hak pakai sahaja, tidak boleh dijual beli atau pun digadai. Pepatahnya berkata “Dijual tak dimakan beli, digadai tak dimakan sanda”.

Kedudukan yang demikian itu sukar hendak dibahagikan mengikut :hukum Faraid” kerana hartanya tidak jelas dan tuannya yang sebenar juga tidak jelas. Oleh kerana terdapat kesamaran itu, setengah pihak mengirakan tanah itu sebagai “Harta Wakaf” dan ada juga mengirakan sebagai “Harta Musabalah”. Sehingga kini pembahagiannya dijalankan mengikut tradisi yang dipersetujui oleh waris-waris yang berkenaan.

Tanah Pesaka Adat Sekarang Ini

Sebagai sebuah kawasan tanah perkampungan ia tetap dihuni. Tanah itu adalah kepunyaan keluarga suku. Keluasannya tidak berubah kerana ia tidak boleh dijual beli atau digadai kepada mana-mana pihak.

Rumah-rumah bentuk tradisi atap rumbia berbumbung lentik, satu demi satu telah berubah wajah beratapkan zink atau genting. Jalan-jalan denai kecil yang menyambungkan antara kampung dengan kampung sudah bertukar kepada jalanraya berninyak tar. Perigi dan sumur sudah dikambus diganti dengan bekalan air paip. Bekalan api elektrik dan telefon telah masuk ke rumah-rumah. Surau dan masjid mana-mana yang lama telah diperbaharui. Bangunan sekolah yang usang diganti dengan yang baru dalam bentuk termoden. Sekolah-sekolah menengah juga turut didirikan dengan anak cucu penghuni tidak payah berulang kauh ke Bandar seperti pada masa silam. Pendeknya seperti di tempat lain kawasan ini tidak ketinggalan daripada menerima perubahan mengikut keadaan semasa.

Berhubung dengan penduduknya pula seperti kampung-kampung lain di luar bandar. Keramaiannya turut berkurangan dan yang ada itu pun terdiri daripada peringkat tua yang sudah berumur lebih daripada 60 tahun.

Sebabnya terjadi demikian ialah kerana pada satu ketika dulu mata pencarian terdesak, tidak ada jalan lain lagi yang dapat dibuat melainkan keluar berhijrah meninggalkan kampung halaman. Seseengahnya pindah ke kawasan tanah rancangan menyahut seruan kerajaan. Ramai yang berpindah ke bandar-bandar mencari satu pekerjaan. Mana-mana yang merantau bekerja makan gaji biasanya balik ke kampung selepas bersara sekarang ini mereka tidak berminat lagi, mereka telah membuat penghidupan baru diperantauan.

Jadi oleh kerana sebab-sebab yang demikian, penduduk semakin merosot dan terdapat beberapa buah rumah tinggal tidak bertunggu, kampung terbiar tidak terpelihara, tanah sawah berbidang-bidang tidak berjadikan menjadi hutan belukar.

Alhamdulillah sekarang ini kerajaan sedang giat melancarkan rancangan pemulihan di bawah Skim Pembangunan Pertanian dengan melibatkan beberapa buah jabatan agensi kerajaan di atas tanah tersebut.

Pada masa akan datang apabila rancangan-rancangan kerajaan itu berjalan lancar dan dapat sambutan dari segenap pihak tidak syak lagi kawasan perkampungan dan Tanah Pesaka Adat Perpatih itu akan hidup dan maju semula. Sekian.